

14 MAR 2000

Bosnia-Bantuan

BANTUAN KETENTERAAN DAN EKONOMI KE BOSNIA AKAN DITERUSKAN

PUTRAJAYA, 14 Mac (Bernama) -- Pemerintah Tentera Persekutuan Bosnia dan Herzegovina Jen Rasim Delic hari ini melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, pegawai tertinggi tentera Bosnia itu menghabiskan masa 45 minit dengan Dr Mahathir di kompleks pejabat Perdana Menteri.

Jen Rasim yang tiba di sini pada Sabtu lepas untuk lawatan tiga hari memberitahu pemberita yang beliau menghargai bantuan Malaysia khususnya dalam menghantar anggota tentera bagi menjaga dan menguatkuasa keamanan semasa perang saudara dari 1992 hingga 1995 dan bantuan lain selepas perjanjian Dayton ditandatangani.

Beliau berkata, bantuan ini juga diteruskan selepas peperangan khususnya dalam melatih anggota dan pegawai-pegawai negara itu di Malaysia untuk kursus-kursus khas ".

Jen Rasim berkata, bantuan seperti itu akan banyak membantu dalam menyusun semula tentera Bosnia.

Gen Rasim menganggap Bosnia kini dalam keadaan aman tetapi proses integrasi ekonomi dan politik masih berjalan dan ia akan mengambil masa untuk negara itu dibangunkan semula selepas kemusnahan akibat perang.

Beliau juga berkata, pelaksanaan perjanjian keamanan Dayton pada 1995 masih belum selesai.

Rasim berkata, Dr Mahathir telah menjamin kerjasama ketenteraan dan ekonomi akan diteruskan kepada negara Balkan itu.

-- BERNAMA

MGM PR